

“TOKOH KITA”

Sewaktu MUIS ditubuhkan pada tahun 1968 dahulu, Haji Sanusi Mahmood, yang pada waktu itu menjadi Presiden Mahkamah Syariah, telah dilantik menjadi Mufti Singapura yang pertama hinggalah 1972.

Darah dan bakat yang mengalir dalam tubuh beliau adalah titisan darah ulama yang terbilang di zamannya, iaitu datuknya, Asy-Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah Al-Banjari – Pengarang kitab *Sabilal-Muhtadin* – yang pernah menaun di Makkah selama 35 tahun.

Berkat dari doa datuknya inilah dua orang daripada cucunya, iaitu Abdul Rahman Siddik bin Muhammad 'Afif Al-Banjari, telah menjadi Mufti Indragiri dan Haji Sanusi bin Mahmood pula menjadi Mufti Negara Singapura.

Pendidikan awal

Haji Sanusi telah dilahirkan di Singapura pada 18.10.1909 dan telah mendapat pendidikan awal di Victoria Bridge School dan Raffles Institution hingga lulus Senior Cambridgenya pada tahun 1930. Setelah itu beliau menceburi pendidikan agama pula, mula-mula di Pondok Al-Hidayat di Safat Rengat, 1931-1932. Sejak itu minatnya semakin kuat untuk mendalami bidang keagamaan dan inilah yang mendorong beliau berangkat ke Makkah. Mula-mula beliau belajar di Masjidil Haram, 1933-1936, kemudian ke Universiti Al-Azhar 1936-1942 hingga mencapai Ijazah Al-Ahliyah (B.A.) dan Al-Alimiah (M.A.) Di samping itu, beliau sempat belajar secara privet dari guru-guru yang telah bersara dari Universiti Al-Azhar 1942-1946. Sewaktu berada di Lembah Nil inilah beliau menemui jodohnya dengan Puteri Syeh Hassan Subhi.

Jarang sekali kita menemui orang alim yang mampu bertutur dan memahami berbagai bahasa seperti yang terdapat pada diri Haji Sanusi yang mahir dalam tiga bahasa: Melayu, Arab dan Inggeris di



Tuan Haji Sanusi Mahmood

samping itu beliau faham dan boleh bertutur dalam bahasa Perancis dan Jerman.

Tugas dan jawatan

Haji Sanusi telah menceburkan diri dalam berbagai bidang kerjaya. Antaranya:

- Kadi di Mahkamah Syariah, Singapura (1959-1960).
- Presiden Mahkamah Syariah dan Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (1960-1969).
- Mufti Singapura (1969-1972).
- Penasihat Agama Persekutuan Seruan Islam Singapura dan penulis/penterjemah surat-surat dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu atau sebaliknya (1976 hingga sekarang).

Walaupun usia beliau pada masa ini sudah begitu lanjut tetapi beliau

HAJI SANUSI MAHMOOD: MUFTI PERTAMA

masih gigih dan tidak putus-putus terus berkhidmat kepada agama dan masyarakat Islam.

Sudah lebih dari satu dekad beliau menjadi Penasihat Agama kepada Persekutuan Seruan Islam (Jamiyah). Beliau seorang agamawan yang tidak mahu menonjolkan dirinya dengan membuat ucapan atau berceramah di sana sini, tetapi sumbangan buah penanya dari waktu ke waktu tidak pernah kering.

Beliau pernah membentangkan kertas kerjanya mengenai rukyah dalam seminar anjuran Jamiyah Singapura. "Peranan Mufti dalam Syariat Islam," di Manila, dan masalah "Pengguguran". Dan pernah juga mengemukakan sebuah majalah berjudul "Toleransi Dalam Islam" di Muktamar "Religion and World Peace" di Kyoto, Jepun pada tahun 1969 di mana beliau juga ada bersama.

Buku-buku yang dihasilkan antara lain:

- (1) Mengetahui Islam dan hubungannya dengan Sains dan Teknologi.
- (2) Saya kembali kepada rukyah.
- (3) Undang-undang Keluarga Dalam Islam.
- (4) Kamus Istilah.
- (5) Kamus Bahasa Arab Umum untuk ke Saudi Arabia.

Beliau merasa bahagia dapat terus mencurahkan baktinya kepada agama menerusi berbagai bidang kerjayanya selagi ada hayatnya. □



Haji Sanusi Mahmood sedang menjalankan pendaftaran pengislaman.